Pendakwa Raya lwn Dato' Seri Mohd Khir bin Toyo

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 46–3 TAHUN 2010
MOHTARUDIN BAKI H
27 DISEMBER 2011

Keterangan — Saksi — Kredibiliti — Kes rasuah — Sama ada pemberi rasuah seorang 'accomplice' atau particeps criminis — Pertuduhan terhadap pemberi rasuah ditarik balik dengan syarat beliau menjadi saksi pendakwaan — Percanggahan dalam keterangan — Demeanour saksi — Keterangan saksi disokong pada fakta material — Sama ada keterangan selamat diterima

Prosedur Jenayah — Hukuman — Rasuah — Menteri Besar Selangor didapati bersalah membeli hartanah tanpa balasan yang mencukupi — Keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh penjawat jawatan eksekutif Tertinggi Kerajaan Negeri — ss 173A & 294 Kanun Acara Jenayah atau denda tidak sesuai dikenakan

Undang-Undang Jenayah — Rasuah — Keterangan — Kredibiliti saksi — Sama ada pemberi rasuah seorang 'accomplice' atau particeps criminis — Pertuduhan terhadap pemberi rasuah ditarik balik dengan syarat beliau menjadi saksi pendakwaan — Percanggahan dalam keterangan — Sama-ada 'demeanour' saksi konsisten — Keterangan saksi disokong pada fakta material — Sama ada keterangan selamat diterima

Undang-Undang Jenayah — Rasuah — Penjawat awam menerima barang berharga tanpa balasan yang mencukupi — Tertuduh membeli dua lot tanah dan sebuah rumah bernilai RM6.5 juta dengan harga RM3.5 juta — Tertuduh, Menteri Besar Selangor mempunyai hubungan kerja rasmi dengan penjual — Elemen-elemen untuk mengasaskan kes prima facie — Sama ada dibuktikan — Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah — Kanun Keseksaan s 165

Pertuduhan ke atas tertuduh adalah bahawa dia, sebagai seorang penjawat awam iaitu Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mendapat untuk dirinya serta isterinya dua lot tanah dan sebuah rumah daripada Ditamas Sdn Bhd melalui Shamsudin bin Hayroni ('SP2'), Pengarah Ditamas Sdn Bhd, dengan harga RM3.5 juta sedangkan hartanah tersebut telah dibeli oleh Ditamas Sdn Bhd pada Disember 2004 dengan harga RM6.5

juta. Pertuduhan menyatakan bahawa tertuduh mengetahui bahawa SP2 mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi tertuduh dan oleh yang demikian tertuduh telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 165 Kanun Keseksaan.

Diputuskan:

(1) Inti pati pertuduhan yang perlu dibuktikan adalah bahawa: (i) tertuduh adalah seorang penjawat awam pada tarikh pertuduhan; (ii) tertuduh memperolehi (membeli) hartanah tersebut dengan balasan (harga belian) yang diketahui oleh Tertuduh sebagai tidak mencukupi (*inadequate considerations*); dan (iii) tertuduh mengetahui bahawa Shamsudin bin Hayroni tersebut mempunyai hubungan kepentingan perniagaan dengan urusan kerja rasmi tertuduh sebagai penjawat awam tersebut (lihat perenggan 3).

(2) Dari keterangan adalah jelas, tertuduh memegang jawatan Menteri Besar Selangor iaitu seorang penjawat awam ketika itu. Tertuduh memperolehi (membeli) hartanah yang menjadi hal perkara pertuduhan iaitu satu barangan berharga daripada SP2 dengan balasan (harga belian) yang diketahui oleh tertuduh sebagai tidak mencukupi (*inadequate considerations*) (lihat perenggan 4–5).

(3) Dari keterangan yang ada, adalah 'irresistible inference' bahawa tertuduh tahu harga belian (balasan) yang dibayar oleh SP2 adalah RM6.5 juta untuk membeli hartanah tersebut. Di dalam kedudukan fakta sekeliling (*circumstancials*), adalah jelas RM3.5 juta adalah 'not fair or reasonable in the circumstances' (lihat perenggan 16 & 19).

(4) Tertuduh mengetahui bahawa SP2 mempunyai hubungan kepentingan perniagaan dengan urusan kerja rasmi tertuduh sebagai penjawat awam. SP2 melalui kepentingan beliau di dalam beberapa syarikat mempunyai hubungan kepentingan perniagaan dengan urusan kerja rasmi tertuduh sebagai penjawat awam (lihat perenggan 26–27).

(5) SP2 bukan *accomplice/particeps criminis*. Dari keterangan jelas beliau beranggapan akan dapat semula wang beliau RM6.5 juta berserta dengan RM1.5 juta sebahagian dari kos ubah suai. SP2 terpaksa bersetuju dengan harga RM3.5 juta tersebut setelah berunding dengan isteri beliau yang juga merupakan pengarah syarikat, memandangkan syarikat mereka banyak berurusan dengan tertuduh; *Ng Kok Lian & Anor v Public Prosecutor* [1983] 1 MLJ 379 dirujuk (lihat perenggan 28–29).

(6) Jika pun SP2 adalah seorang 'accomplice', *demeanour* beliau semasa memberi keterangan cukup konsisten serta disokong pada fakta material oleh SP1, SP3 dan dokumentari. Keterangan SP2 adalah 'credible' serta

selamat (*safe*) diterima; *R v Baskerville* [1916] 2 KB 658 dirujuk; *Attan bin Abdul Gani v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 143 dirujuk (lihat perenggan 30).

(7) Beberapa pernyataan telah diberi oleh SP2 kepada SPRM dan ia bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh SP2 di dalam mahkamah. Menurut SP2 semasa siasatan SPRM, tertuduh memberi keyakinan kepada SP2 bahawa tertuduh akan uruskan dan tiada pertuduhan akan dikenakan. Apabila akhirnya beliau didakwa menyebabkan SP2 hilang keyakinan. Apabila ditawarkan penarikan pertuduhan dengan syarat beliau perlu menjadi saksi pendakwaan beliau bersetuju dan memberi keterangan sebenar di mahkamah. Penerangan yang diberi adalah 'reasonable explanations'. Pembelaan tidak membuat permohonan 'impeachment proceedings'. Mahkamah tiada sebab untuk menolak keterangan SP2 (lihat perenggan 31–32).

(8) Kes prima facie telah dibuktikan melampaui tahap keraguan yang munasabah. Pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan (lihat perenggan 34).

(9) Tertuduh berminat dan merancang untuk memiliki hartanah tersebut dan tertuduh memegang jawatan tertinggi eksekutif negeri ketika itu telah menyalahgunakan kedudukan beliau. Jelas ss 173A dan s 294 Kanun Acara Jenayah dan denda adalah tidak sesuai di dalam kes-kes seperti ini. Hukuman penjara perlu dikenakan dan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang memegang jawatan eksekutif tertinggi Kerajaan Negeri perlu diberi penekanan. Maka, hukuman penjara 12 bulan dijatuhkan berkuat kuasa dari tarikh jatuh hukum (lihat perenggan 54–58).

(10) Berdasarkan s 2 dan s 36 Akta Pencegah Rasuah 1997, hartanah tersebut dilucuthak kepada kerajaan setakat mana hak tertuduh terhadapnya (lihat perenggan 59 & 61).

[English summary

The charge against the accused was that he, as a public servant ie the Menteri Besar for the State Government of Selangor Darul Ehsan, had obtained for himself and his wife, two lots of land and a house from Ditamas Sdn Bhd through one Shamsudin bin Hayroni ('SP2'), the Director of Ditamas Sdn Bhd, at the price of RM3.5m when the properties were purchased by Ditamas Sdn Bhd in December 2004 at the price of RM6.5m. The charge sheet read that the accused knew that SP2 was connected to the official functions of the accused and therefore the accused had committed an offence punishable under s 165 of the Penal Code.

Held:

(1) The essence of the charge which must be proved was that: (i) the accused

was a public servant on the date of the charge; (ii) the accused purchased the property with consideration known to the accused to be inadequate; and (iii) the accused knew that Shamsudin bin Hayroni had business connection with the official functions of the accused as the public servant (see para 3).

(2) From the evidence, it was clear that the accused held the position of Selangor Menteri Besar ie a public servant at the material time. The accused obtained the property which was the subject matter of the charge ie a valuable thing from SP2 with the purchase price which was known to the accused to be inadequate (see paras 4–5).

(3) From the evidence available, there was irresistible inference that the accused knew that the consideration paid by SP2 was RM6.5m to purchase the property. In the circumstances, it was clear that RM3.5m was not fair or reasonable in the circumstances (see paras 16 & 19).

(4) The accused knew that SP had business connection with the official functions of the accused as a public servant. SP2 through his interest in various companies had business connection with the official functions of the accused as a public servant (see paras 26–27).

(5) SP2 was not an accomplice/particeps criminis. From the evidence it was clear that he thought he would get back his RM6.5m together with RM1.5m after discussing with his wife who was also the director of the company, as the company had many transactions with the accused; *Ng Kok Lian & Anor v Public Prosecutor* [1983] 1 MLJ 379 referred (see paras 28–29).

(6) Even if SP2 was an accomplice, his demeanour when he was testifying was sufficiently consistent and supported in material facts by SP1, SP3 and the documents. SP2's testimony was credible and safe; *R v Baskerville* [1916] 2 KB 658 referred; *Attan bin Abdul Gani v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 143 referred (see para 30)

(7) Various statements had been given by SP2 to the SPRM and it contradicted with SP2's testimony in the court. According to SP2, during SPRM's investigation, the accused gave assurances to SP2 that the accused would take care of it and no charges would be pressed. However, when he was finally charged, SP2 lost his confidence. When withdrawal of charges were offered with the condition that he had to be the prosecution's witness, he agreed and gave the actual evidence in court. The explanation given was reasonable. The defence did not apply for any impeachment proceedings. The court had no reason to reject SP2's evidence (see paras 31–32).

(8) A prima facie case was proved beyond reasonable doubt. The defence had failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case (see para 34).

(9) The accused was interested and planned to own the property and the accused who held the state's highest executive position at that time had misused his position. Clearly s 173A and s 294 of the Criminal Procedure Code and fine was not appropriate in these cases. Custodial sentence ought to be meted out and the seriousness of the offence committed by someone holding the state government's highest executive position must be given emphasis. Therefore, imprisonment for the term of 12 months imposed from the date of sentence (see paras 54–58).

(10) Based on s 2 and s 36 of the Anti-Corruption Act 1997, the property was forfeited to the government to the extent of the right of the accused towards it (see paras 59&61).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kredibiliti, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 3029–3086.

Untuk kes-kes mengenai rasuah, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 3736–3749.

Kes-kes yang dirujuk

Attan bin Abdul Gani v PP [1970] 2 MLJ 143 (dirujuk)

Ng Kok Lian & Anor v PP [1983] 2 MLJ 379, MP (dirujuk)

PP v Rosman bin Abdul Wahab [2007] 2 MLJ 688, MT (dirujuk)

R v Baskerville [1916] 2 KB 658, MR (dirujuk)

Surentheran a/l Selvaraja v PP [2006] 1 MLJ 641; [2005] 2 CLJ 264, MR (dirujuk)

YAM Pg Indera Wijaya Pg Dr Hj Ismail bin Pg Hj Damit v Public Prosecutor [2011] 5 MLJ 667, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Rasuah 1997 ss 2, 36, 36(1)

Kanun Acara Jenayah ss 173A, 294

Kanun Keseksaan s 165

Abdul Wahab bin Mohamad (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

(Athimulan & Co) bagi pihak tertuduh.

Mohtarudin Baki H:

[1] Pertuduhan:

Bahawa kamu pada 29 Mei 2007 di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor, Jalan Permata 7/1, Seksyen 7, Shah Alam, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, sebagai seorang penjawat awam iaitu Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mendapat untuk diri kamu dan isteri kamu, Zahrah Binti Kechik (650216–08–5432), suatu barang yang berharga dengan suatu balasan yang kamu ketahui tidak mencukupi iaitu dua lot tanah dan sebuah rumah yang terletak di alamat No. 8 & 10, Jalan Suasa 7/11, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, daripada Ditamas Sdn. Bhd melalui Shamsudin Bin Hayroni, Pengarah Ditamas Sdn. Bhd., dengan harga RM3.5 juta sedangkan hartanah tersebut telah dibeli oleh Ditamas Sdn. Bhd pada Disember 2004 dengan harga RM6.5 juta, yang mana kamu mengetahui bahawa Shamsudin bin Hayroni mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

[2] Seksyen 165 Kanun Keseksaan:

165 Whoever, being a public servant, accept or obtains, or agrees to accept or attempts to obtain, for himself or for any other person, any valuable thing, without consideration, or for a consideration which he knows to be inadequate, from any person whom he knows to have been, or to be, or to likely to be concerned in any proceeding or business transacted, or about to be transected, by such public servant, or having any connection with the official functions of himself or of any public servant to whom he is subordinate, or from any person whom he knows to be interested in or related to the person so concerned, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years or with fine or with both.

Illustrations

(a) A, a Judge, hires a house of Z, who has a case pending before him. It is agreed that A shall pay fifty ringgit a month, the house being such that, if the bargain were made in good faith, A would be required to pay two hundred ringgit a month. A obtained a valuable thing from Z without adequate consideration.

(b) A, a Judge, buys of Z, who has a cause pending A's Court, Government promissory notes at a discount, when they are selling in the market at a premium. A has obtained a valuable thing from Z without adequate consideration.

(c) Z's brother is apprehended and taken before A, a Magistrate, on a charge of perjury. A sells to Z shares in a bank at a premium, when they are selling in the market at a discount. Z pays for the shares accordingly. The money so obtained by A is a valuable thing obtained by him without adequate consideration.

[3] Kes prima facie:

(a) Inti pati pertuduhan yang perlu dibuktikan:

(i) tertuduh, Dato' Seri Mohd Khir bin Toyo adalah seorang penjawat awam pada tarikh pertuduhan;

(ii) tertuduh memperolehi (membeli) hartanah yang menjadi hal perkara pertuduhan iaitu satu barangan berharga daripada seorang bernama Shamsudin bin Hayroni dengan balasan (harga belian) yang diketahui oleh tertuduh sebagai tidak mencukupi (*inadequate considerations*); dan

(iii) tertuduh mengetahui bahawa Shamsudin bin Hayroni tersebut mempunyai hubungan kepentingan perniagaan dengan urusan kerja rasmi tertuduh sebagai penjawat awam tersebut.

[4] Penjawat awam.

Dari keterangan adalah jelas, tertuduh memegang jawatan Menteri Besar Selangor iaitu seorang penjawat awam ketika itu. Malah pihak pembelaan mengakui (*conceded*) fakta ini.

[5] Tertuduh memperolehi (membeli) hartanah yang menjadi hal perkara pertuduhan iaitu satu *barangan berharga* daripada seorang bernama Shamsudin bin Hayroni *dengan balasan* (harga belian) *yang diketahui oleh tertuduh* sebagai *tidak mencukupi* (*inadequate considerations*).

(a) Barangan berharga:
Hartanah yang menjadi hal perkara pertuduhan adalah tidak dipertikaikan malah jelas menunjukkan ianya barangan berharga (*valuable thing*).

[6] Menurut buku 'The Penal Law of India' oleh Dr Sir Hari Singh Gour, Edisi kesebelas (updated) Vol II, 2006 menyatakan di ms 1551 perenggan 9:

> 'Any valuable thing'. The question whether a thing was or was not of values does not depend upon its market price. … the question of consideration is also material, for it also tends to rebut the suspicion that otherwise attaches to a transaction, which may be inexplicable, otherwise than as a veiled gratification. A thing how much so ever valuable, may be purchased for its full value by a public servant no less than by anybody else.

[7] *Tanda aras balasan (bench mark)*: Sama ada harga pasaran atau harga sebenar atas dasar 'willing buyer and willing purchaser'.

Hujah peguambela bahawa tanda aras balasan adalah mengikut harga pasaran; peguam merujuk kepada 'illustration' (a), (b) dan (c) di bawah s 165 Kanun

Keseksaan, kesemuanya merujuk kepada harga pasaran. Saya menolak hujah ini. 'Illustrations' bukanlah undang-undang. Ianya hanyalah membantu untuk memahami peruntukan undang-undang berkaitan, ianya tertakluk kepada fakta sesuatu kes itu.

[8] Saya merujuk kepada takrif balasan yang tidak mencukupi (*inadequate consideration*) di bawah *Black Law's Dictionary* edisi kelapan oleh Bryan A Garner, keluaran Thomson West; ms 326:

> Inadequate consideration. Consideration that is not fair or reasonable *under the circumstances* of the agreement.

[9] Hujah peguambela terpelajar bahawa 'harga belian RM3.5 juta adalah harga pasaran. Ini disokong oleh laporan penilaian (eksh D70–D71) oleh Tetuan Rahim & Co; dengan itu tidak timbul isu 'inadequate consideration'. Dengan hormat saya menolak hujah ini sebagai tidak bermerit. Alasan saya adalah seperti berikut:

[10] Adalah jelas pada pandangan saya, ianya bergantung kepada keadaan fakta sekeliling (*circumstances*) sesuatu kes itu. Di dalam kes di hadapan saya adalah jelas SP1 ingin menjual hartanah tersebut pada mulanya RM7 juta. Selepas tawar menawar SP1 menjual kepada SP2 dengan harga RM6.5 juta sebagai 'willing buyer and willing seller'.

[11] *Keadaan sekeliling (circumstances):*

Dari keterangan menunjukkan tertuduh sendiri tahu harga RM7 juta yang diminta oleh SP1. Tertuduh juga sedar ianya tidak mengikut harga pasaran dengan berkata 'mahalnya' dan terus beredar dari situ. Fakta ini penting untuk menunjukkan 'mental element' pengetahuan dan 'circumstances' kes ini, bahawa harga yang diletakkan oleh SP1 adalah mahal iaitu RM7 juta. Ini bererti ianya di atas harga pasaran.

[12] Keterangan:

(a) *Muka surat 7 nota keterangan*: SP1 (tuan tanah asal) menyatakan:

> Dato' Sumadi ada bawa potential buyer iaitu Tertuduh dan isteri beliau pada bulan September 2004.
>
> Semasa Tertuduh dan isteri beliau datang mereka bertanya harga jualan. Saya katakan RM7 juta. Kemudian mereka kata terlalu mahal dan terus beredar. Tertuduh dan isteri hanya berada di situ sekejap sahaja 10 – 15 minit.
>
> Selang lebih kurang 2 bulan kemudian Dato' Sumadi datang bersama SP2. Selepas beberapa perbincangan, harga dipersetujui RM6.5 juta untuk hartanah tersebut.

Bayaran penuh (balasan) RM6.5 juta telah dibuat dan pindah milik dilakukan kepada syarikat SP2 iaitu Ditamas Sdn Bhd.

(b) *Muka surat 21 nota keterangan:*
semasa pemeriksaan balas.

> Soalan: Setuju harga jualan tak seharusnya ikut government valuation or market price?
>
> Jawapan: Exactly, willing buyer and willing seller.

Dengan keterangan ini adalah jelas harga yang dipersetujui adalah 'willing buyer and willing seller' iaitu *RM6.5 juta*.

[13] Persoalan seterusnya adakah tertuduh mengetahui harga belian (balasan) yang dibayar oleh SP2 ialah RM6.5 juta.

Pengetahuan/knowledge:

Di dalam kes *Surentheran a/l Selvaraja v Public Prosecutor* [2006] 1 MLJ 641; [2005] 2 CLJ 264 Mahkamah Rayuan memutuskan:

> … In almost every case, proof of knowledge has to be by way of inference from the proven circumstances. One set of circumstances different from another. In any given case, whether knowledge is inferable depends on the particular circumstances of the case and a proper appreciation of them. We have to look at the particular circumstances of this case and assess them independently, without being influenced by what may have been decided in some other cases under a different set of circumstances.

[14] Dari keterangan SP2, jelas beliau mengenali tertuduh dan sebaliknya. Perbincangan telah berlaku di antara tertuduh, Dato' Sumadi, SP2, SP3 dan Dato' Karim. Menunjukkan keakraban mereka.

Keterangan SP2 disokong oleh keterangan dokumentari:

(a) *eksh P12*: Surat bertarikh 18 Oktober 2000 ditandatangani oleh SP2 mewakili syarikat beliau Roniaga Sdn Bhd. Memohon untuk memajukan tanah kepunyaan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh tertuduh selaku Menteri Besar Negeri Selangor.

Terdapat catitan tertuduh di atas surat ini 'Permohonan ini disokong dan harap tiada halangan'. Permohonan ini telah diluluskan dan perjanjian usahasama ditandatangani pada 9 Mei 2002;

(b) *eksh P28A*: Surat yang bertarikh 18 Julai 2001, ditandatangani oleh SP2 memohon supaya Syarikat beliau dilepaskan dari syarat memberi 'Performance Bond'. Terdapat catitan tertuduh di atas surat ini. 'Saya setuju untuk dilepaskan dari Performance Bond'.

(c) *eksh P15A*: Surat permohonan dari Syarikat Roniaga Sdn Bhd yang ditandatangani oleh SP2 untuk perlanjutan masa. Permohonan ini akhirnya telah diluluskan oleh mesyuarat yang dipengerusikan oleh tertuduh sendiri.
Fakta-fakta ini menunjukkan tertuduh mengenali SP2 di dalam urusan rasmi dan peribadi beliau.

[15] Keterangan SP2 juga disokong oleh keterangan SP3 iaitu kontraktor yang menjalankan kerja-kerja ubah suai rumah tersebut.

(a) *Muka surat 29 nota keterangan*. SP3 menyatakan:

- Sekitar Mac 2006 saya kenal Dato' Karim.
- Saya ada buat landscape taman rumah Dato' Karim di Bangi berkonsep Bali.
- Dia (Dato' Karim) beritahu Tertuduh berminat konsep Bali rumah Dato' Karim.
- Dato' Karim suruh saya pergi ke rumah Tertuduh No. 8, Jalan Suasa, Shah Alam.
- Sampai di rumah tersebut saya bertemu Tertuduh, isterinya, Dato' Shamsudin (SP2) dan Dato' Karim.

(b) *Muka surat 30 nota keterangan:*

- Saya diperkenalkan oleh Dato' Karim kepada Tertuduh untuk Tertuduh ubahsuai rumah No. 8 mengikut konsep Bali. Tertuduh yang maklumkan sendiri. Dia suruh ubah suai taman sekali.
- Perjumpaan tersebut lebih kurang 3 jam.
- Dalam perjumpaan itu yang paling banyak bercakap adalah Tertuduh dan isteri.
- Impresi saya rumah tersebut adalah rumah Tertuduh kerana Tertuduh dan isteri yang banyak bercakap.
- Saya minta RM250,000 untuk mulakan kerja.
- Saya dibayar Mac atau April (2006) di kediaman rasmi oleh Tertuduh.

[16] Dari keterangan tersebut di atas 'irresistible inference' bahawa tertuduh tahu harga belian (balasan) yang dibayar oleh SP2 adalah RM6.5 juta untuk membeli hartanah tersebut. Ini berpandukan kepada:

(a) tertuduh sendiri diberitahu oleh SP1 bahawa harga asal yang diminta ialah RM7 juta; tertuduh menjawab 'mahal sangat'. Fakta ini amat

penting. Keadaan adalah berbeza jika tertuduh tidak melawat hartanah tersebut dan tidak mendapat tahu harga asal yang diminta RM7 juta; dan

(b) keakraban hubungan tertuduh dengan SP2 adalah jelas, sudah pasti tertuduh bertanyakan kepada SP2 berapa harga sebenar yang dibayar setelah mengetahui harga asal yang diminta oleh tuan tanah ('SP1') ialah RM7 juta. Ini adalah 'reasonable expectation' berdasarkan kepada 'circumstances' kes ini.

[17] Setelah memutuskan bahawa tertuduh tahu harga belian yang dibayar oleh SP2 ialah RM6.5 juta tertuduh ingin membeli hartanah yang sama dengan harga RM3.5 juta.

Dari keterangan SP2 di ms 67:

Tertuduh menawarkan harga belian RM3.5 juta kepada SP2. 'Saya tak setuju. Saya katakan (*counter propose*) RMS juta ke RM5.5 juta'. SP2 meminta jurunilai berdaftar ('SP10') memberi penilaian harga pasaran hartanah tersebut. SP10 melalui eksh P23 menyokong harga pasaran RM5.5 juta. Seterusnya SP2 menyatakan: beliau terpaksa setuju dengan harga RM3.5 juta tersebut setelah berbincang dengan isteri beliau yang juga pengarah syarikat yang sama, memandangkan syarikat-syarikat mereka banyak berurusan dengan tertuduh.

[18] Dari keterangan SP3 yang dinyatakan di atas (ms 11 dan 12 alasan penghakiman saya) adalah jelas kerja-kerja ubah suai diarahkan oleh tertuduh sendiri walaupun ketika itu hartanah tersebut masih belum berpindah milik kepada tertuduh. Ini menyokong fakta anggapan SP2 bahawa tertuduh akan membeli hartanah tersebut dari SP2 di masa hadapan. Ianya juga mengukuhkan bahawa tertuduh memang berminat dari awal terhadap hartanah tersebut, tetapi harganya mahal.

Keterangan SP2 pula:

(a) *Muka surat 62 nota keterangan.*

> Selepas saya tahu Tertuduh berminat nak beli rumah tersebut, saya, Dato' Sumadi dan Tertuduh berbincang. Tertuduh suruh Dato' Sumadi beli. Dato' Sumadi kata bahawa beliau banyak komitmen.
>
> Tertuduh suruh saya beli. Fahaman saya Tertuduh suruh saya beli kerana dia minat rumah tersebut dan mungkin dia akan beli rumah itu daripada saya kemudian. Saya setuju apabila Tertuduh suruh saya beli.

(b) *Muka surat 110 nota keterangan.*

> Cross-examination last sentence:
>
> Saya pergi ke sana dengan Dato' Sumadi. Pada masa itu dia maklumkan Tertuduh ingin beli rumah tersebut

(c) *Muka surat 118 nota keterangan.*

Mahkamah: Apakah perkataan yang digunakan oleh Tertuduh apabila suruh kamu beli?

Jawapan: Cakap mulut, body language boleh maksud suruh. 'Din kau belilah'. Saya lihat body language Tertuduh dan saya faham selaku ahli perniagaan.

(d) *Muka surat 121 nota keterangan.*

Soalan: Bila secara khusus kamu tahu Tertuduh ingin beli rumah itu?

Jawapan: Semasa perbincangan untuk renovation … cara dia suruh dan mengkehendaki Nasir (SP3) buat renovation menggambarkan kepada saya bahawa itu rumah dia. Itu bukan fahaman dan anggapan lagi, saya berharapan besar dia akan beli balik.

[19] Di dalam kedudukan fakta sekeliling (*circumstancials*) yang dihuraikan di atas, adalah jelas RM3.5 juta adalah 'not fair or reasonable in the circumstances'. Keterangan SP2 bahawa beliau membeli hartanah tersebut dengan harga RM6.5 juta diikuti dengan beberapa bayaran ubah suai. Tertuduh menawarkan RM3.5 juta tetapi ditolak oleh SP2 pada mulanya dan 'counter proposed' RM5 juta kerana ingin memberi diskaun, memandangkan pertalian persahabatan perniagaan. SP2 telah meminta jurunilai SP10 memberi nilaian RM5.5 juta (exh P23 *valuation report*). Fakta ini menyokong bahawa SP2 tidak bersetuju dengan harga RM3.5 juta yang ditawarkan oleh tertuduh, tetapi tiada pilihan terpaksa akur dengan permintaan tertuduh.

[20] Seterusnya hujah peguambela terpelajar bahawa harga pasaran RM3.5 juta adalah disebabkan rumah di atas hartanah tersebut sedang diubah suai. lanya hanya tinggal rangka sahaja. Sebab itu ianya berpatutan dengan harga RM3.5 juta. Saya menolak hujah ini. Dari keterangan adalah jelas tertuduh memang berminat terhadap hartanah tersebut dari awal lagi. Keterangan SP2 dan SP3 adalah jelas tertuduh dan isteri yang memberi arahan kepada SP3 untuk mengubah suai hartanah tersebut (rumah dan taman) mengikut konsep 'Bali'. Setelah melihat dan tertarik dengan ubah suai rumah Dato' Karim yang dilakukan oleh SP3. Malah Dato' Karim yang memperkenalkan SP3 dengan tertuduh. Dato' Karim adalah setiausaha politik kepada tertuduh ketika itu (rujuk ms 65 nota keterangan. Tiada soalan balas, bererti fakta bahawa Dato' Karim adalah setiausaha politik tertuduh ketika itu diterima).

[21] Peguambela terpelajar seterusnya berhujah bahawa terdapat perjanjian ubah suai eksh D19 bertarikh 5 Jun 2007 di antara tertuduh dengan SP3 untuk menunjukkan bahawa tertuduh hanya melantik SP3 selepas pembelian hartanah tersebut pada 29 Mei 2007 daripada SP2 (Ditamas Sdn Bhd).

[22] Perjanjian eksh D19 timbul semasa soal balas SP3 di ms 53 nota keterangan:

> Mahkamah: Bagaimana D19 ini timbul?
>
> Jawapan: Perjanjian ini berlaku kerana tuan rumah Ditamas ingin jual rumah kepada OKT. Dia perlukan quotation sebut harga. Dia suruh saya buat quotation D19 dengan harga sebanyak itu.
>
> Soalan: Pada masa itu kamu buat?
>
> Jawapan: Dia pada masa itu Menteri Besar. Saya takut. Bila dia suruh buat, saya buat

Di dalam pemeriksaan semula di mS 59 nota keterangan:

> *Pemeriksaan Semula.*
>
> D19 dirujukkan kepada saksi.
>
> Perjanjian D19 ini terjadi semasa OKT ingin buat perjanjian dengan Ditamas Sdn. Bhd. dan dia nak quotation harga sebagai formality kepada Kerajaan.
>
> Dia suruh saya buat satu formality kepada OKT. OKT suruh letakkan RM600,000 tersebut
>
> Semasa D19 dibuat, anggaran kasar bayaran yang telah dibayar adalah lebih kurang RM4 juta. Selepas D19 ini dibuat, baki bayaran yang masih diterima adalah RM2 juta lebih.

[23] Adalah jelas dari perjelasan SP3 bahawa eksh D19 dibuat atas permintaan tertuduh dan tertuduh sendiri meminta harga RM600,000 diletakkan. Di ms 60 nota keterangan SP3 jelas menyatakan sebelum eksh D19 dibuat lebih kurang RM4 juta telah dibayar. Selepas eksh D19 dibuat SP3 menerima lebih kurang RM2 juta.

Seterusnya di muka surat yang sama SP3 menyatakan 'Surat ini saya yang sediakan. Permintaan untuk sediakan Ex. D19 berlaku di rumah No. 8. Semasa Ex. D19 disediakan Dato' Shamsudin (SP2) tidak lagi membekalkan wang kepada saya'.

[24] Keterangan SP3 di soal balas dengan panjang lebar bermula dengan En Athimulan kemudian oleh En Kamarul Hisham dan disambung semula oleh En Athimulan.

Ianya bermula dari ms 34–59 nota keterangan. Saya melihat *demeanour* SP3 dan meneliti keterangan beliau dengan terperinci. Saya dapati keterangan SP3 adalah 'consistent' dari awal hingga akhir. Adalah jelas SP3 diperkenalkan oleh Dato' Karim kepada SP2, tertuduh dan isteri beliau. Di mana tertuduh dan isteri beliau yang memberi arahan untuk mengubah suai dari mula hingga akhir. Saya tiada sebab untuk menolak keterangan SP3 dan mendapati keterangan SP3 adalah 'credible'.

[25] Saya menolak hujah bahawa SP3 dilantik oleh SP2 terlebih dahulu, kemudian apabila tertuduh membeli hartanah tersebut beliau bersetuju untuk meneruskan khidmat SP3 dan memasuki perjanjian D19. Ini berdasarkan kepada fakta bahawa SP2 tidak mengenali SP3. Mereka hanya diperkenalkan oleh Dato' Karim, iaitu setiausaha politik tertuduh. Keterangan SP3 adalah jelas dan tidak dipertikaikan bahawa SP3 telah membuat ubah suai rumah Dato' Karim di Bangi. Tertuduh telah melihatnya dan berkenan. Fakta ini menyokong bahawa SP3 diminta oleh tertuduh untuk mengubah suai hartanah yang menjadi hal perkara dari awal lagi dan penerangan SP3 mengenai D19 adalah lebih konsisten dan *credible*.

[26] Inti pati ketiga: tertuduh mengetahui bahawa Shamsudin Hayroni (SP2) mempunyai hubungan kepentingan perniagaan dengan urusan kerja rasmi tertuduh sebagai penjawat awam.

Keterangan SP2 mengenai hubungan kepentingan perniagaan syarikat-syarikat beliau adalah disokong dengan keterangan dokumentari.

(a) eksh P12 bertarikh 18 Oktober 2000 ditandatangani oleh SP2 iaitu surat permohonan Syarikat Roniaga Sdn Bhd di mana SP2 mempunyai kepentingan, memohon untuk memajukan tanah kepunyaan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor yang di pengerusikan oleh tertuduh. Terdapat catatan tertuduh di atas surat tersebut (P12) 'Permohonan ini disokong dan harap tiada halangan'. Akhirnya permohonan ini telah diluluskan dan perjanjian usahasama ditandatangani pada 9 Mei 2002;

(b) eksh P28A. Surat permohonan SP2 untuk dilepaskan dari syarat 'Performance Bond' bertarikh 18 Julai 2001. Di atas surat ini dicamkan sebagai minit tertuduh … 'Saya setuju untuk dilepaskan dari Performance Bond'; dan

(c) eksh P15A. Surat permohonan perlanjutan masa Syarikat Roniaga Sdn Bhd yang ditandatangani oleh SP2 telah diluluskan oleh mesyuarat yang dipengerusikan oleh tertuduh sendiri.

[27] Dengan keterangan di atas adalah dibuktikan bahawa SP2 melalui kepentingan beliau di dalam beberapa syarikat mempunyai hubungan kepentingan perniagaan dengan urusan kerja rasmi tertuduh sebagai penjawat awam.

[28] *Credibility SP2*

Adakah SP2 seorang particeps criminis

The mere fact that SP2 was charged earlier on together with the accused does not render him as an accomplice.

Rujuk kes *Ng Kok Lian & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 379 keputusan oleh Mahkamah Persekutuan ketika itu:

> … (2) Thus in every case when the issue is raised that a witness is an accomplice the court must study the evidence and make necessary finding. There can be no rule of law of evidence that a witness is automatically an accomplice just because of his actus reus.

[29] Saya dapati SP2 bukan *accomplice/particeps criminis*. Dari keterangan jelas beliau beranggapan akan dapat semula wang beliau RM6.5 juta berserta dengan RM1.5 juta sebahagian dari kos ubah suai (rujuk ms 561 nota keterangan):

> Bila ubahsuai Tertuduh yang arahkan SP3, dia akan beli dari saya satu ketika nanti, saya presume RM1.5juta akan dibayar semasa jual beli tersebut
>
> Oleh kerana Tertuduh mohon penjualan RM3.5 juta, saya tak setuju dan saya katakan (Counter propose) RM5 juta– RM5.5 juta, kerana ingin beri potongan harga sedikit dan mengambil kira harga tanah dan kos renovation saya.

SP2 terpaksa bersetuju dengan harga RM3.5 juta tersebut setelah berunding dengan isteri beliau yang juga merupakan pengarah syarikat, memandangkan syarikat mereka banyak berurusan dengan tertuduh.

[30] Jika pun SP2 adalah seorang 'accomplice' saya telah meneliti *demeanour* beliau semasa memberi keterangan di hadapan saya. Keterangan beliau cukup konsisten serta disokong pada fakta material oleh SP1, SP3 dan dokumentari ekshs P12, P23A dan P15A. Saya dapati keterangan SP2 adalah 'credible' serta selamat (*safe*) diterima.

Di dalam kes *R v Baskerville* [1916] 2 KB 658:

> We hold that evidence in corroboration must be inadependant testimony which affects the accused by connecting or tending to connect him with the crime.

Di dalam kes *Attan bin Abdul Gani v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 143:

> (1) It is not necessary that there should be independent confirmation of every material circumstances in the sense that the independent evidence in the case, … the weight of such corroborative evidence which is necessary depend on the particular facts and circumstances of the case.

[31] *Contradictions*

Beberapa pernyataan telah diberi oleh SP2 kepada SPRM dan ianya bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh SP2 di dalam mahkamah. *Statements* yang dikatakan telah diberi kepada SPRM tidak dikemukakan kepada mahkamah. Walau bagaimanapun SP2 telah diminta memberi

penjelasan tentang percanggahan tersebut. Menurut SP2 semasa siasatan SPRM, tertuduh memberi keyakinan kepada SP2 bahawa tertuduh akan uruskan dan tiada pertuduhan akan dikenakan. Apabila akhirnya beliau didakwa menyebabkan SP2 hilang keyakinan. Apabila ditawarkan penarikan pertuduhan dengan syarat beliau perlu menjadi saksi pendakwaan beliau bersetuju dan memberi keterangan sebenar di mahkamah.

[32] Penerangan yang diberi adalah 'reasonable explanations'. Pembelaan tidak membuat permohonan 'impeachment proceedings'. Saya tidak ada sebab untuk menolak keterangan SP2.

[33] Di dalam kes *Public Prosecutor v Rosman bin Abdul Wahab* [2007] 2 MLJ 688, YA hakim Mahkamah Tinggi (ketika itu) Low Hop Bing memutuskan:

> Held:
>
> (2) SP9's evidence had to be considered in its entirety and not in isolation. While there appeared to be discrepancy or contradiction pertaining to the so-called loan and/or the repayment thereof, the discrepancy or contradiction had been concisely clarified and explixitly explained under re-examination. The truth was that the payments as stated in the charges were not loans nor had the accused effected any repayment at all (see para 36).
>
> (3) The word 'consideration' has not been defined in the Penal Code. Reference may thus be made to its ordinary, natural, popular meaning as found in a dictionary.

(see also *Baharudin bin Ahmad v Public Prosecutor* [2010] 7 MLJ 577).

[34] Berdasarkan kepada alasan di atas, berpandukan kepada penilaian maksima, setelah mempertimbangkan kedudukan keseluruhan keterangan 'as a whole; not in isolation' saya memutuskan kes prima facie telah berjaya dibuktikan melampaui tahap keraguan yang munasabah seperti pertuduhan.

[35] *Pembelaan:*

(a) Tidak menafikan telah melawat hartanah tersebut pada 2004 bersama Dato' Sumadi dan diberitahu oleh SP1 harga yang diletakkan ialah RM7 juta. Tertuduh ('SB1') berkata 'mahalnya' dan beredar dari situ;

(b) tertuduh tidak berminat dengan reka bentuk rumah tersebut;

(c) menafikan perjumpaan di antara Dato' Karim, SP2, SP3 dengan beliau dan isteri pada 2006 untuk ubah suai rumah dan taman hartanah tersebut;

(d) menafikan beliau tahu harga RM6.5 juta dibayar oleh SP2; dan

(e) akui jumpa SP3 di rumah Dato' Karim. Suka senibina ubah suai yang dibuat oleh SP3 untuk rumah Dato' Karim.

[36] Setuju bahawa SP2 minta harga jualan RM5 juta, tetapi tertuduh perlu dapat harga pasaran dari jurunilai hartanah di mana kemudiannya pihak bank beliau memberitahu nilai pasaran adalah RM3.5 juta. Ini bersesuaian dengan keadaan rumah yang sedang diubah suai iaitu hanya ada rangka (*structure*) sahaja. SP2 setuju jual dengan harga RM3.5 juta.

Menafikan perjumpaan antara beliau (tertuduh) dan isteri dengan Dato' Karim, SP2 dan SP3 dan memberi arahan ubah suai kepada SP3 terhadap rumah tersebut.

Setelah membeli hartanah tersebut daripada SP2, tertuduh telah melantik SP3 untuk meneruskan kerja-kerja ubah suai dengan memasuki perjanjian eksh D19.

[37] Adalah menjadi undang-undang mantap (*trite law*), kes pembelaan perlu diuji dengan kes pendakwaan, terutamanya dengan keterangan saksi bebas SP3. Muka surat 29 nota keterangan. SP3 menyatakan:

- Sekitar Mac 2006 saya kenal Dato' Karim.
- Saya ada buat landscape taman rumah Dato' Karim di Bangi berkonsep Bali.
- Dia (Dato' Karim) beritahu Tertuduh berminat konsep Bali rumah Dato' Karim.
- Dato' Karim suruh saya pergi ke rumah Tertuduh No. 8, Jalan Suasa, Shah Alam.
- Sampai di rumah tersebut saya bertemu Tertuduh, isterinya, Dato' Shamsudin (SP2) dan Dato' Karim.
- Tertuduh dan isteri beliau yang banyak bercakap dan memberi arahan ubahsuai.

[38] Adalah jelas tertuduh berminat terhadap hartanah tersebut dari mula lagi. Tertuduh yang mengupah SP3 untuk kerja-kerja ubah suai hartanah tersebut dengan itu tidak timbul 'rumah tinggal rangka sahaja'.

[39] Dari keterangan SB1 bahawa beliau tidak setuju dengan harga jualan RM5 juta dan meminta pihak bank beliau melalui jurunilai SB4 dari Tetuan Rahim & Co memberi harga pasaran; di mana kemudiannya memberi nilai pasaran RM3.5 juta.

[40] Sebaliknya dari keterangan SP2 beliau tidak setuju dengan harga yang

diminta oleh tertuduh iaitu RM3.5 juta dan telah meminta jurunilai (SP10) dari Tetuan Trans Asia untuk memberi nilai pasaran iaitu RM5.5 juta.

[41] Dari keterangan yang bercanggah ini, tidak ada sebab dinyatakan kenapa SP2 yang membeli hartanah itu dengan harga RM6.5 juta ditambah pula dengan bayaran ubah suai bersetuju menjualnya dengan harga RM3.5 juta. Hanya satu soalan balas terhadap SP2 mengenai perkara ini di ms 143 nota keterangan, iaitu 'to cut losses' di mana telah dinafikan oleh SP2; tetapi tiada keterangan SP2 menghadapi masalah kewangan ketika itu.

[42] Selain dari tertuduh (SB1) pembelaan juga memanggil SB2, Puan Hasnah iaitu pembantu peribadi tertuduh selaku Menteri Besar Selangor ketika itu. Saksi ini hanya memberitahu sistem kerja di pejabat Menteri Besar ketika itu. Sebaliknya saksi ini mengenali SP2 dan mengesahkan SP2 pernah datang berjumpa tertuduh sekali atau dua kali di sepanjang ingatan beliau. Saksi ini juga mengesahkan eksh P12 dan eksh P28A iaitu surat daripada SP2 yang tiada cop tanda akuan terima, berkemungkinan SP2 hantar secara kediri (*personally*) semasa berjumpa secara temujanji dengan tertuduh.

[43] Pembelaan juga memanggil SB3 dan SB4 merupakan dua jurunilai hartanah yang berkenaan untuk menunjukkan harga pasaran. Saya telah memutuskan tanda aras (*bench mark*) bukan harga pasaran tetapi harga belian yang dibayar oleh SP2. Sebagai *willing buyer willing seller*. Saya juga memutuskan sebagai penemuan fakta, harga yang mahal ini diketahui oleh tertuduh sendiri.

Pembelaan 'harga pasaran' yang dikemukakan hanya akan menimbulkan keraguan yang munasabah *jika* tertuduh tidak melawat hartanah tersebut dan tidak tahu harga yang diminta oleh SP1. Manakala pengemukaan eksh D19 pula bertentangan dengan keterangan SP3 sendiri dan juga keterangan SP2 (rujuk para 25 di atas). Tiada keterangan menunjukkan SP2 mengenali SP3 sebaliknya menurut SP3 beliau diperkenalkan kepada tertuduh oleh Dato' Karim, iaitu setiausaha politik tertuduh ketika itu. Sebagai penemuan fakta saya memutuskan bahawa SP3 dilantik oleh tertuduh dari awal lagi untuk kerja-kerja ubah suai hartanah yang menjadi hal perkara.

[44] *'Credibility' SP3:*

Saya tidak ada sebab untuk menolak keterangan SP3 walaupun dikatakan oleh tertuduh (SB1) terdapat pergaduhan di antara beliau dengan SP3, di mana SP3 telah mengambil keluar barangan berharga dari rumah tersebut kerana keengganan tertuduh membayar bayaran RM200,000 sehingga tertuduh menukar 'power gate'.

[45] Malangnya di dalam pemeriksaan balas SP3 dari ms 34–59 nota

keterangan; hanya satu soalan ditanya (ms 43) mengenai perselisihan antara SP3 dan tertuduh tentang kerja-kerja ubahsuai yang kecil tidak disiapkan.

> Soalan: Memang kamu ada perselisihan dengan Tertuduh mengenai bayaran yang sebabkan kamu tak habiskan kerja-kerja itu?
>
> Jawapan: Rumah itu siap. Cuma detailing sikit-sikit yang belum saya siapkan. Memang ada sedikit perselisihan faham dengan Tertuduh sebab itu tidak siapkan kerja-kerja kecil itu.

[46] Tidak ada sebarang soalan mengenai SP3 membawa keluar barang berharga dari rumah tersebut kerana tidak mendapat bayaran dari tertuduh. Tiada laporan polis dibuat.

[47] Adalah jelas kegagalan menyoal balas SP3 mengenai perbuatan SP3 mengambil keluar barangan berharga dari rumah tersebut untuk menunjukkan pergaduhan besar adalah 'afterthought'.

[48] Selain dari itu adalah diakui oleh SP3 pada ketika itu beliau seorang muflis. Dari segi undang-undang tidak menyatakan keterangan saksi muflis tidak boleh diterima atau tidak boleh memberi keterangan di dalam perbicaraan jenayah.

[49] Saya melihat *demeanour* SP3 semasa memberi keterangan dan saya dapati keterangan beliau adalah 'consistent and unshaken'.

[50] Setelah meneliti segala keterangan 'as a whole' di atas pertimbangan maksima (*maximum evaluation*) saya memutuskan bahawa pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Tertuduh didapati bersalah dan kesalahannya disabitkan seperti pertuduhan.

[51] *Hukuman*

Setelah mendengar hujah-hujah meringan dan memberatkan hukuman, saya bersetuju 'offence of this nature is a serious offence and demand serious consideration'.

[52] Prinsip undang-undang mantap, apabila berlaku pertembungan antara 'Public Interest vs Private Interest', maka 'public interest' perlu diberi keutamaan.

[53] 'Deterrent' *sentence* adalah perlu untuk memberi mesej kepada penjawat awam bahawa mahkamah tidak bertolak ansur kesalahan seperti ini yang berbaur rasuah.

[54] Jelas dari fakta yang telah dibuktikan dari awal lagi tertuduh berminat dan merancang untuk memiliki hartanah tersebut dan adalah jelas tertuduh memegang jawatan tertinggi eksekutif negeri ketika itu telah menyalahgunakan kedudukan beliau.

[55] Saya merujuk satu kes Mahkamah Rayuan Negara Brunei Darul Salam *YAM Pg Indera Wijaya Pg Dr Hj Ismail bin Pg Hj Damit v Public Prosecutor* [2011] 5 MLJ 667; di mana diputuskan:

Held No 3:

> Where a course of corrupt conduct by a man in high powerful public office, involving very large sums of money, was pursued over many years, punishment and deterrence must be the paramount considerations. The overall sentence of seven years jail on the corruption charges was neither wrong in principle nor manifestly excessive (see paras 109 and 127).

[56] Dari fakta juga jelas s 173A KAJ, s 294 KAJ dan denda adalah tidak sesuai di dalam kes-kes seperti ini.

[57] Dengan itu saya memutuskan hukuman penjara perlu dikenakan dan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang memegang jawatan eksekutif tertinggi Kerajaan Negeri perlu diberi penekanan. Walau bagaimanapun saya telah memberi pertimbangan kepada faktor mitigasi yang dikemukakan.

[58] Dengan itu saya menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan kuatkuasa dari tarikh jatuh hukum; iaitu separuh dari tempoh hukuman penjara maksima.

[59] Perlucutan hak.

Saya juga meneliti s 2 dan s 36 APR 1997 (Akta 575).

Seksyen 2: 'offence under this Act includes prescribed offence.'

Prescribed offence means: an offence punishable under s 165 of the Penal Code.

Seksyen 36(1) APR 1997:

> In any prosecution for an offence under this Act, the court shall make an order for the forfeiture of any property which is proved to be subject matter of the offence or to have been used in the commission of the offence:
>
> (a) An offence is proved against the accused.

[60] Perkataan yang digunakan *THE COURT SHALL make an order for the forfeiture of the property*.

[61] Dengan itu saya tidak memerlukan penghujahan lanjut mengenai perkara ini. Perkataan 'shall' adalah mandatori ke atas mahkamah. Dengan itu hartanah tersebut dilucuthak kepada kerajaan setakat mana hak tertuduh terhadapnya.

Perintah selanjutnya.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum.